

BANYAK
pilihan
kain
dengan
harga
berpatutan
di Nilai 3.
— Gambar
oleh
Dzulkefli
Mustapha



Penangan hebat Nilai 3

FOKUS KAWASAN

OLEH KAMALIZA KAMARUDDIN

Nilai 3
dan 1 jadi
syurga
beli-belah
seluruh
rakyat
Malaysia

PADA peringkat awal pembinaan lebuh raya Kuala Lumpur ke Seremban, tidak ramai menyedari kewujudan Nilai yang ketika itu dipenehi ladang getah, kelapa sawit dan semak samun.

Pekan Nilai pula tidak lebih daripada pekan kabi yang menerima pelanggan daripada beberapa kawasan berhampiran dari Labu atau Sepang.

K keadaan ini mula berubah apabila lebuh raya berkenaan dinaik taraf dan dipanjangkan menerusi projek Lebuhraya Utara Selatan (Plus). Di sinilah diwujudkan Bandar Baru Nilai yang menukar wajah Nilai secara perlahan-lahan.

Daripada kawasan penanaman dan industri, Nilai menerima arus pembangunan bidang pendidikan sehingga pembukaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KUAL) di Sepang menjadikan Nilai semakin 'bernilai'.

Lebuh baru dihubungkan dari Lebuh Raya

Utara Selatan menuju KUAL yang sedia terjalir dengan lebuh raya lain. Pekan Nilai yang surut kembali meriah menyebabkan jalan surut keluar dari lebuh raya itu dipindahkan ke kawasan baru untuk mengelakkan kesesakan.

Pembangunan pesat di Nilai menyebabkan kesesakan jalan raya dan sesekali di lebuh raya menghantui penduduknya. Kesesakan semakin ketara pada hujung minggu apabila semua bertumpu ke sini, terutama untuk membeli-belah, membuatkan penduduk tempatan rimas.

Antara daya penarik di sini ialah Nilai 3 dan 1 sebagai pusat jualan barang dan kain terulung di negara ini. Sebelum ini, tiada siapa yang mengimpulikan Nilai 3 kerana hanya kawasan perniagaan kosong yang mempunyai banyak lot kedai tidak terjual.

Namun idea pemarkah Nilai 3 dengan kerjasama kerajaan negeri mempromosikan kawasan ini sebagai pusat borong beli-belah terbesar di Asia Tenggara mula mencuri perhatian ramai.

Kini, sebut saja Nilai 3, semua kenal dan pasti pernah berkunjung ke sini, sama ada seawal usia lima tahun hingga warga emas. Bagi kanak-kanak, Nilai 3 adalah 'syurga barang mainan' kerana banyak barang mainan dijual murah. Bagi suri rumah pula, Nilai 3 begitu sinonim sebagai 'pelengkap hi-

dupku' berikutan banyak barangan dapur boleh dibeli dengan harga berpatutan.

Lelaki pula lazimnya jarang yang suka membeli-belah, tetapi apabila berkunjung ke Nilai 3, peminat mendapati mereka tidak ketinggalan mendapatkan pelbagai aksesori kereta dan barangan keperluan.

Paling tidak pun, mereka juga menemui isteri dan anak untuk memenuhi bonek kereta dengan pelbagai barangan dari Nilai 3.

Bagi pembeli dari luar, termasuk Pantai Timur, kunjungan ke Kuala Lumpur pasti tidak lengkap jika tidak ke daerah kecil di Negeri Sembilan ini.

Nilai 3 kini tersohor di seluruh negara dan usaha juga dilakukan untuk menjadikan Nilai 3 destinasi pelancongan. Selain itu, pekan ini kini semakin ceria dengan Pusat Tekstil Nilai 1 yang terletak kira-kira tiga kilometer dari Nilai 3.

Keistimewaan kedua-dua pusat borong ini terletak pada lokasinya yang luas, harga murah, kepelbagaian pilihan, banyak kemudahan dan promosi berterusan.

Lokasinya hanya kira-kira 40 kilometer dari Kuala Lumpur dan 32 kilometer dari Putrajaya serta 17 kilometer dari KUAL.

Bagi wanita pula, pusat tekstil Nilai 1 kini menjadi destinasi wajib jika berkunjung ke Negeri Sembilan.

Kebanyakan pengunjung mengakui, Nilai 1 mempunyai 1001 tarikan untuk wanita kerana menawarkan pelbagai pilihan tekstil, termasuk fesyen terkini.

Jika ke Nilai 1 dan Nilai 3 pada cuti umum dan hujung minggu, pengunjung pastinya kagum melihat deretan bas dan lapan manusia yang sanggup datang dari jauh hanya untuk melihat 'keistimewaan' kedua-dua pusat borong di Nilai ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Warisan negeri, Datuk Zakaria Nordin berkata, kawasan Nilai, terutama Nilai 3 dan 1 kini menjadi sebutan ramai dan dijangka terus menjadi tumpuan ke bumi adat Peragati ini sebagai permulaan untuk merintis kegemilangan bidang pelancongan Negeri Sembilan.

Kata beliau, ia menjadi sebahagian daripada pakej pantai peranginan Port Dickson, hutan semula jadi di Jekebu dan kawasan diroja di Seri Menanti yang sudah dikenali ramai.

"Acara kesenian di Nilai adalah sebahagian daripada program yang diatur dan dimasukkan dalam kalendar dan pakej pelancongan di Negeri Sembilan.

"Pelancong juga boleh melihat perkampungan Melayu yang terserindi di sekeliling Nilai," kata Zakaria.



PEMBANGUNAN di Nilai 3 turut memberi peluang kepada peniaga kecil.